



21 MAR, 2023

ScanKod sistem anti-lcecurian kereta

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 2

ScanKod sistem anti-kecurian kereta

PETALING JAYA: Universiti Tenaga Nasional (Uniten) dengan kerjasama Globe Resources Sdn Bhd (Globe Resources) telah membangunkan sistem anti-kecurian kenderaan menggunakan kod respon pantas (kod QR) yang dikenali sebagai ScanKod.

Ketua Pegawai Eksekutif Globe Resources Sdn Bhd, S. Maran berkata, pihaknya yakin sistem berkenaan dapat mengurangkan jumlah kecurian kereta di negara ini di samping menghalang kenderaan yang dicuri daripada diubah suai dan dijual semula di pasaran.

Menurut beliau, statistik polis menunjukkan terdapat kira-kira 13,000 kereta dilaporkan dicuri setiap tahun dan syarikat insurans terpaksa menanggung kerugian hampir RM1 bilion tuntutan kecurian.

“Untuk mengelakkan kecurian kenderaan, ScanKod membenarkan pihak berkuasa menyemak ketulenan dan kesahihan kereta dengan pantas melalui satu klik pada telefon bimbit yang akan memberikan segala butiran berkaitan.

“Apabila diimbis menggunakan aplikasi ScanKod, ia akan mendedahkan butiran seperti pendaftaran, warna asal kereta, nombor casis serta butiran pemilik. Apabila ragu-ragu, polis boleh menyiasat lebih lanjut,” katanya dalam

kenyataan.

Mengulas lanjut, Maran berkata, berbeza dengan nombor plat pendaftaran kereta yang mudah ditukar, ScanKod tidak boleh ditiru atau direplikakan memandangkan ia direka bentuk dengan pelbagai lapisan keselamatan seperti penyulitan proprietari dan algoritma.

Katanya, ScanKod itu dibangunkan menggunakan tiga teknologi seperti pembinaan paling sulit dengan formula yang hanya diketahui perekanya sahaja, aplikasi algoritma dan pelekat skrin seakan fungsi hologram yang boleh menjadi medium penyimpanan data.

Jelas beliau, ScanKod itu bakal digunakan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) menjelang akhir tahun ini sebelum ia dibuka kepada agensi penguatkuasaan lain.

“Buat masa ini, aplikasi itu direka untuk kegunaan polis yang secara rasmi bersetuju untuk memohon dan menguji ScanKod di mana jika kenderaan itu adalah kenderaan curi, ia ditunjukkan di dalam sistem dan seterusnya membolehkan pihak polis mengeluarkan *red flag*.

“Ia sekaligus membantu mengurangkan kecurian kenderaan dan pembelian kenderaan curi,” katanya.